

Bil. S 38

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

PERATURAN-PERATURAN TEMBAKAU (KOMPOSISI KESALAHAN), 2007

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.
-

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

PERATURAN-PERATURAN TEMBAKAU (KOMPOSISI KESALAHAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 31(3) dari Perintah Tembakau, 2005, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Tembakau (Komposisi Kesalahan), 2007 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Tembakau, 2005.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

2. Kesalahan-kesalahan yang disebut dalam Bahagian II, bab 14(2), bab 15(3), bab 16(4), Bahagian IV dan Bahagian V dari Perintah itu dan sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah itu boleh dikompaun oleh Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis di bawah bab 31(1) dari Perintah itu.

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 28 haribulan Julai, 2007.

**PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.**